

PROGRAM LATIHAN ANGGOTA SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

DIPLOMA JURUPULIH PERUBATAN (CARAKERJA)

Kod Skim Latihan (2073)

Pemulihan Perubatan (Carakerja) adalah bidang yang memberi fokus kepada rawatan pemulihan kepada individual yang cedera, berpenyakit, cacat dan uzur untuk mencapai kehidupan produktif, berdikari dan bermakna.

DESKRIPSI TUGAS

i. Jurupulih Perubatan (Carakerja) :

- Menyediakan dan mengendalikan program rawatan yang disesuaikan dengan keperluan pesakit bagi mempertingkatkan keupayaan penyakit dalam aktiviti harian.
- Mengendalikan penilaian dan mencadangkan pengubahsuaian yang perlu pada kediaman, persekitaran dan tempat bekerja untuk membolehkan pesakit hidup berdikari.
- Memberi preskripsi dan latihan menggunakan alat-alat bantuan sementara/kekal berdasarkan keperluan pesakit
- Memberi pendidikan, nasihat serta cara penjagaan yang berkesan dan selamat kepada pesakit, ahli keluarga dan penjaga.

KURIKULUM LATIHAN JURUPULIH PERUBATAN (CARAKERJA)

Tempoh Latihan : 3 tahun (6 semester) meliputi subjek yang berikut :

- | | |
|----------------------------|-----------------------|
| • Anatomi | • Pemulihan Carakerja |
| • Fisiologi | • Intervensi |
| • Sains Tingkahlaku | • Pemulihan Carakerja |
| • Pemulihan Carakerja Asas | • Aplikasi |
| • Pemulihan Carakerja | • Praktis Profesional |
| • Penilaian | |



A. SYARAT-SYARAT ASAS PERMOHONAN

Pemohon hendaklah terdiri daripada

- Warganegara Malaysia
- Lelaki / Perempuan (belum berkahwin)
- Umur antara 17-25 tahun pada tarikh permohonan
- Kelayakan :
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - Lulus Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

B. KEUTAMAAN PEMILIHAN

Kursus Diploma Jurupulih Perubatan (Carakerja) - Kod Skim Latihan (2073).

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan 5 Keujian termasuk Bahasa Inggeris, Matematik, Biologi dan 2 subjek lain.
- Mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik serta tidak mengalami kecacatan yang boleh menyebabkan calon-calon tidak sesuai menjalankan tugas selepas tamat latihan.

